

Kertas Bil. 7/2015



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI
AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR BERKENAAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA SELANGOR SDN. BHD. (KUIS)**

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR SDN. BHD. (KUIS).

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 68c. (1) – (2) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama (Pembukaan), Penggal Ketiga, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2015 pada 30 Mac-3 April dan 6-10 April 2015.

2. LATARBELAKANG KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR SDN. BHD. (KUIS)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn. Bhd. (KUIS) merupakan syarikat milik penuh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang telah ditubuhkan pada 28 September 1995 di bawah Akta Syarikat 1965 yang bertanggungjawab mengendalikan KUIS di bawah peruntukan Seksyen 22, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Objektif penubuhannya adalah untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan, cemerlang dan beradab.

Pada tahun 2012/2013, KUIS mengendalikan 6 buah fakulti yang menawarkan sejumlah 26 program yang merangkumi 12 program Diploma dan 14 program Sarjana Muda dan mempunyai modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM 25 juta dan RM 15 juta.

Pengurusan KUIS diketuai oleh Rektor dan dibantu oleh 347 orang staf akademik dan 249 orang staf pentadbiran dan tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum Dan Artikel Penubuhan, Pekeliling Perbendaharaan serta Surat Arahan Perbendaharaan berkaitan syariah yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

3. AHLI JAWATANKUASA

- | | |
|--|-----------|
| 1. Y.B. Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Ng Sze Han
(ADN Kawasan Kinrara) | Ahli |

3. Y.B. Puan Yeo Bee Yin (ADN Kawasan Damansara Utama)	Ahli
4. Y.B. Tuan Lau Weng San (ADN Kawasan Kampung Tunku)	Ahli
5. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (ADN Kawasan Dengkil)	Ahli
6. Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (ADN Kawasan Batu Tiga)	Ahli
7. Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (ADN Kawasan Sabak)	Ahli

4. PENDENGARAN TERTUTUP

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2012, Siri 2 pada muka surat 28-49, JP-ABAS telah mengadakan pendengaran tertutup pada 10 Februari 2015 (Selasa) bagi menyiasat dan mendengar taklimat mengenai status kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn Bhd (KUIS). Wakil-wakil daripada KUIS hadir untuk memberi keterangan di bawah sumpah.

4.1 AHLI JAWATANKUASA YANG HADIR

1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (ADN Kawasan Hulu Kelang)	Pengerusi
2. Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (ADN Kawasan Batu Tiga)	Ahli
3. Y.B. Tuan Ng Sze Han (ADN Kawasan Kinrara)	Ahli
4. Y.B. Puan Yeo Bee Yin (ADN Kawasan Damansara Utama)	Ahli
5. Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi	Ahli

- (ADN Kawasan Sabak)
6. Y.B. Tuan Lau Weng San Ahli
(ADN Kawasan Kampung Tunku)
7. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif Ahli
(ADN Kawasan Dengkil)

4.2 SAKSI/PEGAWAI YANG HADIR UNTUK MEMBERI KETERANGAN

Jabatan yang dijemput adalah KUIS:

1. Dr Zulkifli bin Abd. Hamid
Timbalan Rektor Pengurusan Korporat
(Pembangunan dan Pengantarabangsaan)
2. Puan Suzita Hasnor binti Jusoh
Juruaudit Dalaman KUIS
3. Encik Abdul Karim bin Noh Shah
Pendaftar KUIS
4. Puan Siti Norain binti Zakaria
Penolong Juruaudit

5. PENEMUAN AUDIT, STATUS KEWANGAN DAN ISU-ISU PENELITIAN JAWATANKUASA

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2012 hingga Februari 2013 mendapati prestasi kewangan KUIS adalah kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan. Selain itu, pengurusan aktiviti kurang memuaskan manakala tadbir urus korporat KUIS adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan.

Seiring dengan teguran Ketua Audit Negara dan hasil daripada pendengaran tertutup, Jawatankuasa berpendapat bahawa terdapat empat kelemahan yang perlu diperbaiki oleh KUIS. Secara ringkasnya, kelemahan-kelemahan disebut adalah seperti berikut:

- 1) Pengambilan pelajar tidak mencapai sasaran yang ditetapkan;
- 2) Jumlah graduan yang dihasilkan dan prestasi akademik pelajar yang memperolehi taraf kedudukan sangat baik menurun pada tahun 2011 berbanding 2009 dan 2010;
- 3) Tunggakan yuran yang tinggi; dan
- 4) Kemudahan asrama pelajar tidak digunakan sepenuhnya;

6. PENEMUAN JAWATANKUASA

6.1 Pengambilan Pelajar Tidak Mencapai Sasaran Yang Ditetapkan

6.1.1 Semakan Audit

1. Pada tahun 2010, jumlah pelajar baru berdaftar ialah seramai 2,573 pelajar berbanding dengan sasaran 2,577 pelajar menjadikan pencapaian pelajar berdaftar setinggi 99.8%. Peratusan ini merosot pada tahun 2011 dan 2012 masing-masing iaitu setakat 51.3% pada tahun 2011 dan 42.8% pada Disember tahun 2012.
2. Penurunan pengambilan bilangan pelajar ini disebabkan oleh jumlah pelajar aktif melebihi kapasiti fasiliti akademik disebabkan KUIS menetapkan pengambilan pelajar seramai 10,000 orang semasa pengurusan lama bagi memenuhi keperluan permohonan menjadi universiti penuh pada tahun 2010. Bagaimanapun, pengambilan pelajar mula diturunkan selaras dengan kapasiti fasiliti akademik pada tahun 2011 semasa pengurusan baru.

6.1.2 Perakuan KUIS

1. Terdapat peningkatan kemasukan pelajar baru bagi tahun 2013 (36.03%) dan 2014 (37.43%). Jumlah pelajar aktif di KUIS telah meningkat pada tahun 2014 sebanyak 5801 pelajar.
2. Mesyuarat EXCO KUIS Bil.02/2013 telah memutuskan untuk KUIS memohon pinjaman mudah dari Kerajaan Negeri Selangor yang telah diluluskan dengan nilai peruntukan sebanyak RM 48,544,150.00 supaya pihak KUIS akan dapat menyelesaikan kekurangan kemudahan akademik selain dapat menampung 10,000 orang pelajar apabila KUIS menjadi Universiti menjelang tahun 2016

tetapi pinjaman tersebut belum disalurkan kerana penyaluran pinjaman adalah berdasarkan prestasi perbelanjaan sesuatu projek atau perbekalan yang dipohon.

3. Selain itu, Kerajaan Negeri telah menyalurkan pinjaman untuk bantuan pengurusan operasi sebanyak RM 4 juta dan tiada tunggakan dan baki pinjaman sekarang adalah sebanyak RM 1.8 juta.
4. Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan RM 14.48 juta melalui Tabung Amanah Pinjaman dan kelulusannya adalah melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).
5. 60% pelajar KUIS adalah daripada keluarga yang berpendapatan sederhana. Oleh itu, KUIS telah menubuhkan Pusat Zakat KUIS pada Mei 2014 dan tujuannya adalah untuk membiayai pelajar-pelajar KUIS dan dalam tempoh 6 bulan. KUIS telah berjaya mengutip zakat sebanyak RM 470 ribu.

6.1.3 Penemuan Jawatankuasa

1. Walaupun KUIS ditubuhkan sebagai sebuah IPTS yang berorientasikan keuntungan, tetapi KUIS tidak dapat memainkan peranan ini dengan menawarkan perkhidmatan pendidikan berkualiti sejajar dengan objektif penubuhan syarikat. KUIS seringkali melihat dirinya sebagai sebuah badan kerajaan yang menawarkan perkhidmatan pendidikan sebagai satu tanggungjawab sosial.

6.2 Jumlah Graduan Yang Dihasilkan Dan Prestasi Akademik Pelajar Menurun

6.2.1 Semakan Audit

1. Jumlah graduan yang dihasilkan dan prestasi akademik pelajar menurun pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 dan 2010.
2. Pada tahun 2010 dan 2011, jumlah pelajar lulus masing-masing adalah 1507 pelajar (68.6%) dan 1889 pelajar (64.6%).
3. Pada tahun 2012, jumlah pelajar yang lulus adalah 1403 pelajar (44.5%).

6.2.2 Perakuan KUIS

1. Pada tahun 2013 dan 2014, jumlah pelajar yang lulus adalah 86% dan peratusan peningkatan yang mendadak disebabkan oleh pelajar yang memperoleh Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) kurang daripada 2.00 diberhentikan.
2. Walaubagaimanapun, KUIS telah mengekalkan tier 4 dengan kenaikan kepada 76.4% berbanding 74% sebelumnya. Peratusan graduan yang memperolehi taraf kedudukan sangat baik meningkat dari 33.3% (2011) ke 49.57% (2012), 50.31% (2013) dan 54.82% (2014).

6.2.3 Penemuan Jawatankuasa

1. Daripada tahun 2010-2014, walaupun terdapat usaha daripada pihak pengurusan untuk mempertingkatkan prestasi akademik pelajar dan graduan KUIS, namun peningkatan ini masih agak minima dan usaha berterusan diperlukan untuk memastikan peningkatan ini akan berterusan.

6.3 Tunggakan Yuran Yang Tinggi

6.3.1 Semakan Audit

1. Jumlah yuran tertunggak pelajar sehingga 31 Disember 2012 ialah RM 24.17 juta.
2. Butir-butir adalah seperti berikut:
 - a. Pelajar aktif-RM 13.50 juta
 - b. Pelajar berhenti-RM 6.95 juta
 - c. Diberhentikan-RM2.11 juta
 - d. Graduan-RM 1.39 juta
 - e. Lain-lain-RM 208 ribu

6.3.2 Perakuan KUIS

1. Anggaran perbelanjaan yang diperlukan oleh KUIS bagi tempoh setahun adalah sebanyak RM 80 juta tetapi kutipan yuran yang mampu dikutip bagi

tahun 2013, 2014 dan 2015 masing-masing ialah RM 35.28 juta, RM 48 juta dan RM 64.35 juta (nilai unjuran).

2. KUIS perlu mensasarkan pengambilan pelajar sekurang-kurangnya 7500 orang pelajar untuk mendapatkan pulangan modal. Pada masa kini, KUIS hanya mempunyai 5500 orang pelajar.
3. Antara tindakan yang diambil oleh KUIS untuk meningkatkan pengutipan yuran termasuk:
 - a) Menubuhkan Jawatankuasa Kawalan Kredit untuk memantau dan menyelesaikan isu berkaitan tunggakan yuran pelajar;
 - b) Menubuhkan Seksyen Kawalan Kredit di bawah Pejabat Bendahari untuk memastikan penambahbaikan berterusan dalam proses kawalan kredit bagi memastikan hutang pelajar dapat dikurangkan;
 - c) Pengeluaran surat tuntutan hutang daripada pihak KUIS kepada pelajar yang berhutang;
 - d) Pengeluaran surat tuntutan hutang melalui tindakan undang-undang bagi pelajar yang gagal membuat sebarang pembayaran selepas surat tuntutan dikeluarkan; dan
 - e) Perlantikan Panel Peguam untuk membuat tuntutan kepada pelajar ingkar.
4. Jumlah tunggakan yuran pelajar berjaya dikurangkan sebanyak RM 11,847,346.21 setakat Disember 2014.

6.3.3 Penemuan Jawatankuasa

1. Tindakan KUIS untuk meningkatkan pengutipan yuran tertunggak tidak memadai dan tindakan KUIS juga harus fokus kepada peningkatan pengambilan pelajar sejajar dengan kapasiti akademik supaya pulangan modal dapat dicapai.

6.4 Kemudahan Asrama Pelajar Tidak Digunakan Sepenuhnya

6.4.1 Semakan Audit

1. Kadar penggunaan bilik asrama pelajar yang dibina secara BOT (Build Operate Transfer) daripada tahun 2010 hingga tahun 2012. Pada tahun 2010 dan 2011, kadar penggunaan bilik asrama pelajar yang dibina secara BOT masing-masing ialah 93.4% dan 77%. Pada tahun 2012, kadar penggunaan asrama pelajar ialah 57.3%.

6.4.2 Perakuan KUIS

1. Bangunan asrama pelajar didapati tidak mempunyai CCC (Certificate of Completion and Compliance) kerana semasa pembinaan asrama pelajar pada peringkat awal, tiada penekanan oleh pengurusan lama untuk membuat permohonan CCC.
2. Perjanjian asrama pelajar tidak mempunyai klausa untuk menamatkan perjanjian tersebut dan KUIS terpaksa mengambil tindakan perundangan untuk menamatkan perjanjian tersebut.
3. Perjanjian asrama pelajar boleh dibatalkan sekiranya KUIS tidak membuat pembayaran sewa dalam tempoh 300 hari.
4. Pihak KUIS tidak mempunyai pilihan dan terpaksa menggalakkan penggunaan bangunan asrama pelajar supaya mampu membayar sewa yang dikenakan.

6.4.3 Penemuan Jawatankuasa

1. KUIS cuai dalam menandatangani perjanjian yang berat sebelah. KUIS juga didapati tidak mengutamakan keselamatan penyewa asrama pelajar apabila asrama pelajar tidak mempunyai CCC.

7. SARANAN JAWATANKUASA

1. Kerajaan Negeri hendaklah menjelaskan peranan dan tujuan KUIS serta menetapkan KPI (Key Performance Index) untuk prestasi kewangan dan prestasi akademik KUIS supaya KUIS dapat mengimbang keperluan menjana keuntungan yang mencukupi dan tanggungjawab sosial.
2. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan KUIS dalam mencapai sasaran untuk meningkatkan pengambilan pelajar dengan tidak mengkompromi kualiti pelajar yang dihasilkan.
3. KUIS hendaklah menyediakan satu rancangan khas untuk tempoh lima tahun sebagai contoh untuk mempertingkatkan prestasi akademik pelajar dan graduannya di mana Kerajaan Selangor yang memberi bantuan kewangan kepada KUIS mesti menjadi sebahagian daripada perangkaan rancangan ini.
4. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan KUIS mempertingkatkan fokus kepada peningkatan pengambilan pelajar sejajar dengan kapasiti akademik supaya pulangan modal dapat diperoleh.
5. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan KUIS tidak terlibat dalam perjanjian yang berat sebelah dan merugikan lagi.
6. Selain itu, Kerajaan Negeri hendaklah melakukan penyiasatan terhadap perjanjian yang ditandatangani itu.
7. Kerajaan Negeri hendaklah mengutamakan keselamatan penyewa asrama pelajar dan tidak mengabaikannya semata-mata untuk memastikan sewa bangunan asrama pelajar dibayar. KUIS harus memastikan asrama pelajar ini akan mendapat sijil CCC dalam masa setahun.

8. PENUTUP

1. Jawatankuasa ini ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai yang telah tampil memberi keterangan dan juga pegawai-pegawai Dewan Negeri Selangor yang telah menjalankan tugas mereka dengan sempurna.
2. Semoga segala saranan Jawatankuasa yang terkandung dalam penyata ini boleh diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Sekian, terima kasih.

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Tuan Lau Weng San (Ahli) Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-ABAS di mesyuarat Jawatankuasa pada Jumaat, 6 Mac 2015.

Disahkan oleh:



Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat
(JP-ABAS)

PEGAWAI-PEGAWAI LAIN YANG TURUT HADIR:

- i)Tuan Haji Saffie' bin Abdul Hassan
Timbalan Pengarah Audit Negeri Selangor
- ii)Puan Wan Zainab binti Wan Yahaya
Juruaudit Audit Negeri Selangor
- iii)Encik Kamarolzaman bin Harun
Jabatan Audit Negeri Selangor
- iv)Encik Mohd Shahrizal bin Mohd Salleh
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri
- v)Encik Nazmir bin Mohd Nazar
Wakil Bendahari

URUS SETIA

- i)Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii)Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha
- iii)Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv)Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat
- v)Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat
- vi)Cik Apsara Murale
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

